

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR
[TEMERLOH]**

SOALAN

DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [TEMERLOH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan kualiti air dan perbekalannya dari segi kualiti air, pencemaran bau dan kimia di sumber air, teknologi perawatan, kecekapan pengagihan, pengurusan sumber air sedia ada dan terbaru dan perancangan bagi memenuhi keperluan penggunaan masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) telah menetapkan pelbagai KPI yang perlu dipatuhi dan dicapai oleh setiap operator air di Semenanjung Malaysia dan W.P Labuan. Antara KPI yang telah ditetapkan adalah liputan bekalan air, kualiti air, kadar air tidak terhasil (NRW) dan lain-lain. Selain itu, SPAN juga turut memantau projek-projek bekalan air yang diluluskan di dalam Rancangan Perniagaan supaya projek-projek yang dicadangkan dapat mencapai KPI yang telah ditetapkan dan seterusnya keperluan permintaan air untuk masa depan dapat dipenuhi seperti yang dirancang.
2. SPAN juga mengalu-alukan penggunaan teknologi baru yang dapat memperkasakan kualiti air terawat. Ini termasuk teknologi penyahgaraman

dan juga air pulih guna daripada loji rawatan kumbahan bagi mengurangkan kebergantungan kepada air sungai. Pihak operator juga digalakkan untuk merancang sistem pengagihan secara *interconnectable* (*interconnectivity*) agar ianya dapat saling membantu di antara kawasan semasa krisis air berlaku.

3. Dalam memperkasakan aktiviti penguatkuasaan ekoran terdapat banyak kes pencemaran air terutamanya di Selangor kebelakangan ini, Kerajaan telah menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) yang dianggotai oleh unit penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS), SPAN, Jabatan Biokeselamatan (JBK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pengoperasian dan penguatkuasaan yang akan dijalankan oleh unit ini akan menggunakan peruntukan akta-akta sedia ada yang digunakan oleh JAS, SPAN dan JBK. Unit ini akan menjalankan program pemantauan secara berterusan bagi mengatasi masalah ini. Unit ini juga akan berkerjasama rapat dengan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan pihak operator Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (AiS).

Sekian. Terima kasih.